

**DAP Parti Tidak Demokratik - Shafie Apdal**  
**Bernama**  
**15 Mei, 2012**

KUALA LIPIS, 15 Mei (Bernama) -- DAP kini terbukti sebagai parti yang tidak demokratik apabila tidak membenarkan anggotanya mengeluarkan pendapat berbeza dengan parti, kata Naib Presiden Umno, Datuk Seri Shafie Apdal.

"Mereka cakap tak serupa bikin, mereka tidak boleh menerima jika ada pemimpinnya yang menyuarakan pandangan berbeza dan akan terus dikecam," katanya mengulas peletakan jawatan Naib Pengerusi DAP Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, yang turut bertindak keluar parti malam tadi.

Peletakan jawatannya ekoran beberapa hari selepas pengumuman keanggotaan Tunku Abdul Aziz sebagai ahli Dewan Negara DAP tidak disambung dan kritikan beliau tidak menyokong perhimpunan Bersih 3.0 bulan lepas.

"Bayangkan apa akan terjadi jika pakatan pembangkang memerintah dan ini sudah tentunya ramai orang termasuk pegawai kerajaan akan dipecat jika tidak sependapat atau tidak menyokong pimpinan mereka," kata Shafie kepada pemberita selepas Program Mesra Rakyat di Kampung Kerambit di sini, pada Selasa.

Sehubungan itu, beliau menasihati rakyat supaya menilai sikap pembangkang yang jelas hanya menguar-uarkan prinsip demokrasi tetapi tidak mengamalkannya.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=666327>